**KENYATAAN AKHBAR**

**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

(Bagi Minggu 46/2019 dari 10 November hingga 16 November 2019)

Pada minggu ke-46 iaitu bagi tempoh 10 November hingga 16 November 2019, sejumlah 2,400 kes Demam Denggi telah dilaporkan di seluruh negara iaitu peningkatan sebanyak 23.3% berbanding 1,946 kes pada minggu sebelumnya. Walaubagaimanapun, tiada kematian akibat Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-46. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi bagi tahun 2019 adalah sebanyak 114,745 kes berbanding 66,570 kes bagi tempoh sama tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 72.4% (48,175 kes). Manakala jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 158 kematian berbanding 111 kematian bagi tempoh sama tahun 2018, iaitu peningkatan kematian sebanyak 42.3% (47 kematian).

Sejumlah 790 lokaliti wabak dilaporkan di seluruh Malaysia pada minggu ke-46. Manakala sebanyak 106 lokaliti hotspot melibatkan tujuh (7) buah negeri iaitu 89 di Selangor, tujuh (7) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, masing-masing tiga (3) di Sarawak dan Kelantan, dua (2) di Johor serta masing-masing satu (1) di Negeri Sembilan dan Melaka telah dilaporkan.

Pada minggu ke-46, sebanyak 57 kes Chikungunya telah dilaporkan di mana sejumlah 56 kes adalah dari negeri Perak dan satu (1) kes dari negeri Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula Januari hingga 16

November 2019 adalah sebanyak 642 kes. Pecahan kes Chikungunya mengikut daerah dan negeri adalah seperti di **Lampiran C.**

Bagi penyakit Zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), dari sebanyak 2,484 sampel darah dan 47 sampel urin yang diuji bagi jangkitan virus Zika, satu kes didapati positif jangkitan Zika.

Sejak tiga (3) minggu lepas iaitu bermula akhir Oktober 2019, kes Demam Denggi di hampir seluruh Negara mula menunjukkan peningkatan sehingga 23%. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti musim hujan yang melanda di kebanyakan negeri yang menyumbang kepada tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Disamping itu, perubahan serotaip virus Denggi (*serotype shift*) yang dikenalpasti mula berlaku pada bulan September 2019 juga menyebabkan peningkatan kes Demam Denggi kerana masyarakat belum mempunyai kekebalan terhadap serotaip virus Denggi terkini. Oleh itu, tindakan bersepadu yang serius oleh masyarakat, agensi dan semua pihak amat diperlukan melalui perlaksanaan aktiviti seperti berikut:

1. Jawatankuasa penduduk dan ketua masyarakat perlu menganjurkan aktiviti pembersihan persekitaran terutama di kawasan hotspot dan wabak Denggi serta menasihatkan setiap penghuni agar menjalankan aktiviti “cari dan musnah” di kediaman masing-masing sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu untuk memastikan tiada tempat pembiakan *Aedes* di persekitaran.
2. Membuang sampah secara berhemah iaitu di tempat pembuangan sampah yang betul dan tidak membuang sampah merata-rata.
3. Masyarakat dinasihatkan menggunakan semburan aerosol di dalam rumah masing-masing bagi membunuh nyamuk dewasa terutama di tempat tersembunyi seperti di belakang langsir, bawah meja atau di ruang gelap.

Jika tindakan pencegahan dan kawalan tempat pembiakan *Aedes* tidak dilakukan dengan segera, dikhuatiri kejadian kes dan wabak Demam Denggi akan terus meningkat dan menyebabkan lebih banyak kematian. Waspadalah, jika tidak peduli, maut menanti. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**

b.p.

DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 26477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
25 **November 2019**

Lampiran A

## KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 46/2019
## (10 November hingga 16 November 2019)

| Bil. | Negeri | Bilangan Kes dan Kematian di laporkan | | | | Kumulatif kes denggi sehingga minggu 46/2019 | | Kumulatif kes denggi sehingga minggu 46/2018 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Minggu Epid 46 (10 November - 16 November 2019) | | Minggu Epid 45 (3 November - 9 November 2019) | | | | | |
| | | Kes | Mati | Kes | Mati | Kes | Mati | Kes | Mati |
| 1 | Perlis | 2 | 0 | 1 | 0 | 268 | 0 | 261 | 0 |
| 2 | Kedah | 20 | 0 | 29 | 0 | 1,486 | 5 | 1,785 | 7 |
| 3 | P. Pinang | 35 | 0 | 30 | 0 | 3,908 | 9 | 4,882 | 8 |
| 4 | Perak | 77 | 0 | 63 | 0 | 2,754 | 4 | 2,375 | 5 |
| 5 | Selangor | 1,396 | 0 | 1,016 | 0 | 63,405 | 50 | 37,149 | 32 |
| 6 | WP KL & Putrajaya | 222 | 0 | 184 | 1 | 14,031 | 9 | 6,421 | 8 |
| 7 | N. Sembilan | 38 | 0 | 47 | 0 | 2,046 | 8 | 1,464 | 3 |
| 8 | Melaka | 24 | 0 | 29 | 0 | 1,868 | 6 | 578 | 0 |
| 9 | Johor | 212 | 0 | 157 | 0 | 9,703 | 25 | 5,043 | 17 |
| 10 | Pahang | 70 | 0 | 66 | 0 | 2,391 | 8 | 856 | 3 |
| 11 | Terengganu | 4 | 0 | 3 | 0 | 520 | 3 | 435 | 3 |
| 12 | Kelantan | 115 | 0 | 142 | 0 | 5,396 | 7 | 1,634 | 3 |
| 13 | Sarawak | 71 | 0 | 75 | 0 | 2,191 | 2 | 647 | 1 |
| 14 | Sabah | 114 | 0 | 103 | 1 | 4,743 | 22 | 2,943 | 21 |
| 15 | WP Labuan | 0 | 0 | 1 | 0 | 35 | 0 | 97 | 0 |
| | **MALAYSIA** | **2,400** | **0** | **1,946** | **2** | **114,745** | **158** | **66,570** | **111** |

**Lampiran B**

## LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 46/2019
## (10 November hingga 16 November 2019)

| NO | NEGERI | DAERAH | LOKALITI | BIL. KES | TEMPOH WABAK (HARI) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | SELANGOR | Petaling | Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 1 : Blok 1,2,3 | 70 | 170 |
| 2 | SELANGOR | H/Langat | Blok A-G P/puri Baiduri Bdr Tasik Kesuma | 64 | 144 |
| 3 | SELANGOR | H/Langat | Blok H-M P/puri Baiduri Bdr Tasik Kesuma | 39 | 123 |
| 4 | SARAWAK | Miri | Jalan Kuching Timur 3 | 84 | 115 |
| 5 | SELANGOR | Petaling | Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender) | 27 | 96 |
| 6 | SELANGOR | Gombak | Kg Changkat Z 7 | 25 | 87 |
| 7 | SELANGOR | Petaling | Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 2 : Blok 4,5,6 | 26 | 83 |
| 8 | WPKL | Cheras | Desa Tasik Awam(Blok 2,4,6) | 29 | 81 |
| 9 | SELANGOR | H/Langat | Blok Polis Taman Desa Baiduri | 31 | 81 |
| 10 | SELANGOR | Petaling | Bt 3 (Jln Intan,Zamrud,Berlian,Permata) | 53 | 81 |
| 11 | SELANGOR | H/Selangor | Apt Cempaka Tbr Bb | 21 | 75 |
| 12 | SELANGOR | Petaling | Tmn Serdang Perdana 3 (East Lake Residence) | 48 | 75 |
| 13 | SELANGOR | Klang | Pangsapuri Kelompok Camar | 20 | 73 |
| 14 | SELANGOR | H/Langat | Jln Tkp 21-32 Tmn Kantan Permai | 19 | 70 |
| 15 | SELANGOR | Petaling | Sek U10 (Puncak Perdana Teres A : Jln U10/15-U10/29) | 26 | 68 |
| 16 | SELANGOR | Petaling | Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt) | 15 | 67 |
| 17 | SELANGOR | Klang | Taman Kampung Kuantan | 20 | 66 |
| 18 | KELANTAN | K/Bharu | Lorong Masjid Baung | 18 | 66 |
| 19 | SELANGOR | Gombak | Appt Julia | 27 | 65 |
| 20 | SELANGOR | H/Langat | Appt Taman Prima Cempaka | 13 | 65 |
| 21 | SELANGOR | H/Langat | Grandner Tower Pandan Indah | 14 | 64 |
| 22 | SELANGOR | H/Langat | Flat Desa Lembah Permai | 17 | 63 |
| 23 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 22 ( Pangsapuri Indahria ) | 35 | 63 |
| 24 | SELANGOR | Klang | Sek 16 (Ken Rimba Teres Legian: Jln 16/21-24) | 36 | 62 |

| NO | NEGERI | DAERAH | LOKALITI | BIL. KES | TEMPOH WABAK (HARI) |
|---|---|---|---|---|---|
| 25 | SELANGOR | H/Selangor | Lokaliti 7 Bdr Baru Btg Kali | 16 | 62 |
| 26 | SELANGOR | Klang | Flat Jalan Batu Nilam 34 | 23 | 61 |
| 27 | SELANGOR | Gombak | Tmn Rasmi Jaya | 14 | 61 |
| 28 | SELANGOR | Petaling | Sri Pjs 5 Flat Desa Ria | 10 | 61 |
| 29 | SELANGOR | H/Langat | Apt Meranti Tmn Cheras Hartamas | 13 | 60 |
| 30 | SELANGOR | H/Langat | Evergreen Park Acorn & Hazel Bdr Sg Long | 10 | 57 |
| 31 | WPKL | Titiwangsa | Pa Desa Rejang (Blok A,B,C,D) | 15 | 56 |
| 32 | SELANGOR | Klang | Kampung Batu Belah 08 | 10 | 55 |
| 33 | N SEMBILAN | Seremban | Garden City Homes | 9 | 55 |
| 34 | WPKL | Kepong | Tmn Koperasi Polis Fasa 2 (Jln 36/10-45/10) | 8 | 54 |
| 35 | SELANGOR | Petaling | Seksyen U19 ( Kbsb : Jln Industri 5 ) | 20 | 53 |
| 36 | SARAWAK | Miri | Tudan Flat | 38 | 53 |
| 37 | SELANGOR | Gombak | Tmn Melawati (C) | 29 | 52 |
| 38 | SELANGOR | Petaling | Tmn Puncak Jalil 5 (Jln Puj 5/1-5/10) | 14 | 52 |
| 39 | SELANGOR | Petaling | Tm Pjs 3 Flat Sri Manja (Blok A-C : Jln Pjs 3/55) | 6 | 52 |
| 40 | SELANGOR | H/Langat | Appt Riviera Taman Muda | 15 | 49 |
| 41 | SELANGOR | Gombak | Condo Symphony Height | 8 | 48 |
| 42 | SELANGOR | Petaling | Sek U6 (Kg Melayu Subang Tambahan) | 7 | 48 |
| 43 | SELANGOR | Petaling | Sek U3 (Sbg Perdana Teres A : Jln Sp 1/1-1/14) | 10 | 48 |
| 44 | SELANGOR | Klang | Taman Sentosa Utama | 16 | 48 |
| 45 | SELANGOR | Gombak | Tmn Greenwood | 8 | 47 |
| 46 | SELANGOR | Klang | Flat Sri Bahtera Bdr Armada Putra | 19 | 47 |
| 47 | WPKL | Titiwangsa | Keramat Wangsa (Kelumpuk Cempaka) | 22 | 46 |
| 48 | SELANGOR | Gombak | Kg Changkat Z6 | 7 | 46 |
| 49 | KELANTAN | Kota Bharu | Gertak Sagu | 22 | 46 |
| 50 | SELANGOR | H/Langat | Apt Widuri Seksyen 7 BB Bangi | 7 | 44 |
| 51 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35) | 13 | 43 |
| 52 | SELANGOR | H/Langat | Jln 6/9,6/10,6/11 & 6/14 Tasek Tambahan | 14 | 42 |

| NO | NEGERI | DAERAH | LOKALITI | BIL. KES | TEMPOH WABAK (HARI) |
|---|---|---|---|---|---|
| 53 | SELANGOR | Sepang | Taman Desa Vista 1 | 15 | 42 |
| 54 | SELANGOR | Petaling | Tmn Puchong Prima (Aurora Residence @ Lake Side City) | 5 | 42 |
| 55 | SELANGOR | H/Selangor | Apt Seroja Bb | 13 | 41 |
| 56 | SELANGOR | Petaling | Bl Pju 9 Sd 12 : Flat Sri Cempaka | 14 | 41 |
| 57 | SELANGOR | Gombak | Tmn Samudera Selatan | 11 | 41 |
| 58 | SELANGOR | Gombak | Kg Fajar Ulu Klang | 7 | 41 |
| 59 | SELANGOR | Petaling | Kd Pju 5 Sek 11 Gugusan Dedap 1 (Blok 1-5) | 11 | 41 |
| 60 | SELANGOR | H/Langat | Apt Taman Impian Warisan | 14 | 41 |
| 61 | SELANGOR | H/Langat | Jalan 3/38-3/56 Sek 3 BB Bangi | 10 | 40 |
| 62 | SELANGOR | Klang | Sek 25 (Teres D : Jln 25/28 - 25/35) | 37 | 40 |
| 63 | SELANGOR | H/Selangor | Apt Seri Kemboja Bs | 16 | 39 |
| 64 | SARAWAK | Betong | Tuie | 9 | 39 |
| 65 | JOHOR | J/Bharu | Tmn Desa Mutiara_Flat Blok 1-15 | 13 | 39 |
| 66 | SELANGOR | Gombak | Tmn Wangsa Permai Fasa 2 | 5 | 38 |
| 67 | SELANGOR | Gombak | Selayang Baru Zon 6 | 8 | 38 |
| 68 | SELANGOR | Petaling | Tm Pjs 2c Tmn Medan (Teres D : Jln Pjs 2c/11,2c/28,2c/2) | 5 | 38 |
| 69 | MELAKA | Jasin | Taman Muhibbah Fasa 1 | 17 | 38 |
| 70 | SELANGOR | Petaling | Sek U6 (Kg Melayu Subang A : Jln Bkt Badak) | 8 | 37 |
| 71 | SELANGOR | Gombak | Tmn Gombak Ria | 8 | 37 |
| 72 | SELANGOR | Petaling | Tm Seksyen 51a Flat Impian Baiduri | 5 | 37 |
| 73 | SELANGOR | Petaling | Tmn Puchong Permai (Flat Blok F) | 11 | 37 |
| 74 | SELANGOR | H/Langat | Jln Tps 2/1-2/12 Tmn Pelangi Semenyih | 4 | 37 |
| 75 | SELANGOR | H/Langat | Jalan BM 5/1,5/3,5/5,5/7,5/9,5/11,5/13,5/15,5/16,5/17,5/18 & 5/19 Bandar Bukit Mahkota | 10 | 37 |
| 76 | SELANGOR | Petaling | Sri Pjs 8 Mentari Court | 12 | 36 |
| 77 | SELANGOR | Petaling | Sek 26 (Flat Pprt : Blok A, B, C) | 9 | 36 |
| 78 | SELANGOR | Petaling | Kt Ss 1 Teres C | 5 | 36 |

| NO | NEGERI | DAERAH | LOKALITI | BIL. KES | TEMPOH WABAK (HARI) |
|---|---|---|---|---|---|
| 79 | KELANTAN | K/Bharu | Baung 2 | 16 | 36 |
| 80 | JOHOR | J/Bharu | Tmn Bayu Puteri 2 | 12 | 35 |
| 81 | SELANGOR | H/Langat | Jalan Dp 1 Bandar Damai Perdana | 11 | 34 |
| 82 | SELANGOR | Gombak | Selayang Baru Zon 7 | 9 | 34 |
| 83 | SELANGOR | Petaling | Sek 13 (P/puri Brunsfield Riverview) | 11 | 34 |
| 84 | SELANGOR | H/Langat | Jln 78-86 & Blok J Tmn Bkt Mewah | 5 | 34 |
| 85 | SELANGOR | Petaling | Bl Pju 10 Apt Harmoni 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R ) | 10 | 34 |
| 86 | SELANGOR | Gombak | Tmn Perwira | 7 | 33 |
| 87 | SELANGOR | Klang | Sek 16 (Pangsapuri Rimba Jaya) | 5 | 33 |
| 88 | SELANGOR | H/Langat | Jln Nazir Kpg Sg Ramal Dalam | 8 | 33 |
| 89 | SELANGOR | Petaling | Tmn Lestari Perdana (P/puri Sri Indah) | 6 | 32 |
| 90 | WPKL | Titiwangsa | Tmn Maluri (Institut Profesional Baitulmal) | 19 | 32 |
| 91 | WPKL | Cheras | Ppr Desa Tun Razak | 8 | 32 |
| 92 | SELANGOR | Gombak | Tmn Melawati (F) | 6 | 32 |
| 93 | SELANGOR | Gombak | Kg Sg Kertas Zon B | 6 | 32 |
| 94 | SELANGOR | H/Langat | Apt Vista Bandar Sri Putra | 14 | 32 |
| 95 | SELANGOR | Petaling | Sek U17 (Kg Kubu Gajah : Jln Gajah 10) | 8 | 32 |
| 96 | SELANGOR | Klang | Bandar Armada Putra 04 | 7 | 32 |
| 97 | SELANGOR | Petaling | Sek U13 (Setia Damai Teres C : Jln U13/16b-16f) | 7 | 32 |
| 98 | SELANGOR | H/Langat | Jln Pandan Indah 9-20 Pandan Indah | 8 | 32 |
| 99 | SELANGOR | Petaling | Bt 13 1/2 Kg Pasir Baru | 10 | 32 |
| 100 | WPKL | Titiwangsa | Desa Tun Hussien Onn (Blok D1-D22) | 10 | 31 |
| 101 | SELANGOR | Gombak | Kg Baru Bt Caves | 5 | 31 |
| 102 | SELANGOR | H/Langat | Blok N-X P/puri Baiduri Bdr Tasik Kesuma | 16 | 31 |
| 103 | SELANGOR | H/Langat | Apt Seri Cempaka Sek16 BB Bangi | 4 | 31 |
| 104 | SELANGOR | H/Selangor | Apt Seri Inai Bs | 5 | 31 |
| 105 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 8 ( Teres A : Jln 8/1 - 8/13 ) | 10 | 31 |
| 106 | SELANGOR | Petaling | Seksyen 7 (Teres C : Jln 7/10 - 7/22) | 7 | 31 |

**Lampiran C**

## PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI SEHINGGA MINGGU 46/2019 (16 November 2019)

| BIL | NEGERI | DAERAH | BIL KES (Daerah) | BIL KES (Negeri) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Perlis | Kangar | 5 | 5 |
| 2 | Kedah | Kota Setar | 45 | 59 |
| | | Kulim | 12 | |
| | | Kubang Pasu | 1 | |
| | | Pendang | 1 | |
| 3 | P. Pinang | Timur Laut | 2 | 3 |
| | | Seberang Perai Tengah | 1 | |
| 4 | Perak | Kampar | 99 | 311 |
| | | Larut, Matang & Selama | 90 | |
| | | Batang Padang | 99 | |
| | | Kinta | 20 | |
| | | Manjung | 3 | |
| 5 | Selangor | Kuala Langat | 164 | 184 |
| | | Sepang | 16 | |
| | | Petaling | 3 | |
| | | Klang | 1 | |
| 6 | WPKL & P | - | 1 | 1 |
| 7 | N. Sembilan | Seremban | 5 | 6 |
| | | Port Dickson | 1 | |
| 8 | Melaka | Jasin | 11 | 11 |
| 9 | Johor | - | 0 | 0 |
| 10 | Pahang | - | 0 | 0 |
| 11 | Terengganu | - | 0 | 0 |
| 12 | Kelantan | Kota Bharu | 447 | 57 |
| | | Tumpat | 6 | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Bachok | 3 | |
| | | Tanah Merah | 1 | |
| 13 | Sarawak | Serian | 2 | 3 |
| | | Kuching | 1 | |
| 14 | Sabah | Ranau | 1 | 1 |
| 15 | WP Labuan | Labuan | 1 | 1 |
| **JUMLAH KUMULATIF** | | | **642** | |